

AJARAN JIMAT CERMAT DALAM ISLAM

Kaedah Berjimat Cermat

Bagaimanakah kaedah atau petua-petua yang hendak diikuti jika seorang hendak berjimat cermat?

Banyak orang barangkali tertanya-tanya adakah apa-apa kaedah atau petua yang boleh ditentukan dengan ringkas dan kemas supaya dapat diikuti oleh orang yang berjimat cermat? Jika ada bagaimana? Bagaimanakah jalannya seseorang boleh menyempurnakan tuntutan-tuntutan jimat cermat seperti yang dikehendaki dalam agama Islam kita? Maka terutama sekali orang-orang yang miskin dan yang berpendapatan kecil, haruslah merasa ragu-ragu bagaimana boleh mereka berjimat cermat, padahal benda yang hendak dijimatkan itu sangat sedikit pada mereka tiada banyak?

(IV) OLEH ZA'BA

Bagi menjawab kehendak-kehendak ini kita hanya boleh berkata : Bahawa ajaran berjimat cermat ini bukanlah ia daripada jenis suruhan ibadat dan bukan ia dari rukun Islam seperti tauhid, sembahyang, puasa, zakat dan Haji. Sekalian yang tersebut itu telah diaturkan oleh ulama bagaimana kaedah dan kaifiat mengerjakannya – syarat rukunnya, sah batalnya, sunat makruhnya – pendeknya cara-cara bagaimana memperbuatnya yang baik dan betul. Adapun fasal berjimat cermat bukanlah ia daripada ajaran jenis itu, hanya adalah ia daripada ajaran bagaimana menjalankan kehidupan dalam dunia ini supaya berjaya dan selamat. Oleh itu tidaklah berkehendak diaturkan syarat rukunnya dan jalan-jalan bagaimana mengerjakannya. Hanya setelah diunjukkan arahan-Nya yang disuruh ikut dan larangan-Nya yang disuruh dijauhi, maka terpulanglah kepada fikiran dan timbangan akal seorang jua bagaimana patutnya yang baik disempurnakan suruhan itu dan dijauhi larangan-Nya itu.

Larangan “jangan berboros” itu samalah ia sebagaimana

larangan mencuri, jangan berdusta, jangan menipu, jangan membunuh orang, jangan berzina, jangan makan riba, jangan itu, jangan ini, yang disebutkan dalam Quran dan dalam hadis-hadis Nabi (SAW). Demikian pula tentang suruhan berbuat baik yang berbagi-bagi dalam agama Islam seperti suruh bersedekah, suruh menolong orang miskin dan orang yang kesusahan, suruh ingatkan Allah, lain-lain lagi. Diaturkan syarat rukunnya dengan tetap. Maka begitulah juga dalam hal ajaran berjimat cermat ini; melainkan semuanya terserah kepada timbangan tiap-tiap orang masing-masing bagaimana patutnya diperbuatnya pada masing-masing tentangnya dan keadaannya.

Suruhan dan larangan yang lain-lain itu setengahnya ada hukum-hukum dendanya dan siksanya jika dilanggar – ada “hadnya” dan qisasnya dan sebagainya dalam bab pengajian fekah seperti potong tangan jika mencuri, hukum dera atau rejam sampai mati jika berzina, dan lain-lain lagi. Tetapi pada larangan jangan berboros jika dilanggar tidaklah ada dendanya atau hukumannya yang ditentukan oleh syarat baginya; melainkan hukumannya atau balasannya itu akan mendatang

sendiri mengikut aturan undang-undang tabii sebagaimana yang disebutkan oleh perkataan Quran dahulu (*fataq'uda malūman mahsūrā*).

Ertinya : “Jikalau engkau berbuat demikian nescaya engkau akan terpaksa duduk di dalam keadaan dikeji orang dan kehabisan harta.” Siapa yang melanggar larangan berboros maka ia akan menerima balasan itu yang akan mendatang sendiri kepadanya dengan tiada siapa hakim menjatuhkan hukuman atau polis menjalankan hukum itu. Kerana hukuman itu ialah satu daripada hukum-hukum semulajadi yang sedia ditetapkan oleh Tuhan pada segala aturan tabiat alam. Demikian pula balasan baiknya jika disempurnakan suruhan itu.

Bahkan boleh diambil faham akan balasan seksannya orang yang boros itu daripada ayat-ayat Quran yang mengatakan dia “saudara syaitan”, padahal syaitan ialah makhluk yang tiada syukur kepada Tuhannya. Jadinya orang yang boros itu pun nyatalah tiada syukur juga kepada Tuhannya. Maka bagi orang yang tiada syukur adalah Allah Ta‘ālā berfirman: (*wala'in kafartum inna 'adahābī la shadīd* (surah Ibrahim 7). Ertinya, “Dan jika sekiranya kamu tiada syukur maka sesungguhnya siksa yang Aku balasakan tentu sekali amat kerasnya!” dari sini dapatlah kita fahamkan bagaimana besar larangannya perangai boros itu. Maka begitulah pula kebajikan yang boleh melarat jika disempurnakan suruhan berjimat cermat itu.

Kita telah tersimpang sekarang kepada masalah balasan siksa bagi orang yang boros dan balasan nikmat bagi orang yang jimat cermat. Baik kita balik ke pangkal jalan iaitu hal-hal kaedah berjimat cermat. Sungguhpun telah dikatakan tadi tak payah diatitkan kaedah-kaedahnya dan petua-petuanya kelakukan jimat cermat itu untuk panduan orang-orang menyempurnakan tuntutannya dan menjauhi larangannya, tetapi yang sebenarnya demikian itu ialah jika seseorang tahu menimbang sendiri. Adapun bagi orang yang kurang timbangan,

bolehlah juga diberi kaedah-kaedah dan petua-petua ini sebanyak sedikit lebih kurang. Kaedah-kaedah demikian memang sudah ada diatitkan oleh ulama-ulama iktisad dengan panjang lebar dalam beberapa banyak kitab dan buku-buku dari hal itu mengikut pendapatan yang diperhati dan timbangan akal fikiran yang waras. Maka bagi orang-orang Islam petua-petua ini ialah berasas di atas larangan Quran dan alur-alur yang ditunjukkan oleh Nabi SAW di dalam perkataan-perkataan sabdanya yang telah disebutkan dahulu dan dalam contoh tauladan kehidupannya sendiri.

Petua-petua ini kebanyakannya telah sedia disebut dengan rambang dalam tiga bacaan yang telah lalu; sekadarkan tidak beratur sahaja. Maka di sini diatitkan mengikut darjat kepentingannya satu persatu dan dipadankan dengan keadaan kaum kita di negeri ini.

(1) Kaedahnya yang pertama : Simpanlah sedikit daripada apa-apa wang atau gaji yang dapat, walau macam mana sedikit pun simpanlah juga, asalkan ada disimpan. Kalau besar gaji atau pendapatan itu simpanlah besar, dan kalau sedikit atau kecil pendapatan simpanlah kecil pula. Jangan tidak ada disimpan langsung. Tiap-tiap orang yang menyimpan sedikit daripada pendapatannya itu jika tetap, nescaya akhirnya akan jadi senang juga. Apabila ada wang simpanan ia akan terkaya daripada pertolongan orang, walaupun pendapatannya tiap-tiap bulan kecil sahaja. Adapun orang yang tiada menyimpan maka tiadalah ia mempunyai wang hanya habis gaji jua. Maka tiadalah berguna ia di sisi ahli iktisad.

Apalagi pula jika orang yang berbelanja lebih daripada pendapatannya: Orang demikian tetaplah hukumnya termasuk dalam jumlah orang yang “bankrap”, yakni bangsat atau “fakir”. Sekalian undang-undang daripada apa bangsa pun menghitungkan dia orang bankrap walaupun ia tiada “masuk bankrap” dengan sebenarnya mengikut aturan mahkamah. Jika ia “masuk bankrap” tetaplah diletakkan seorang penjaga di atas perkara wangnya dan harta bendanya, akan melihat segala hal ehwal pendapatannya dan perbelanjaannya, supaya dapat ditentukan ia

membayar hutangnya sekian-sekian daripada pendapatannya itu.

(2) Kaedah yang kedua : Bayar tunai segala barang yang dibeli; jangan sekali-kali berhutang atau mengambil apa barang dengan berhutang. Jikalau telah berhutang maka berikhtiarlah dengan seberapa segeranya bayar jelaskan hutang itu, jangan ada tinggal sedikitpun sangkut paut lagi, serta dengan tiada berhutang di tempat lain pula sebab hendak membayar hutang mula-mula itu. Jika berhutang pula di tempat lain kerana itu, maka tidaklah juga terlepas daripada bahaya; hanya seperti kata Melayu “Tutup lubang gali lubang” sahaja, iaitu tiadalah akan membawa kemerdekaan diri sampai bila pun. Ketahuilah bahawa hutang itu ialah pintu kerosakan dan kebinasaan dari segi iktisad; barang siapa masuk pada pintu itu tidaklah dapat terpelihara daripada kena tipu atau daripada menipu. Atau boleh juga diumpamakan dia seperti ular yang membelit, semakin terik cerutannya.

(3) Kaedah yang ketiga : Jangan berbelanja dengan sengaja di atas keuntungan atau pendapatan yang belum sampai, hanya dinanti-nanti akan sampai sekian-sekian lamanya lagi. Tiap-tiap sesuatu benda yang belum dapat ke tangan dengan sungguh-sungguh itu belumlah jadi hak kita, dan harus ada terkandung padanya bahaya yang ia barangkali tiada akan sampai kepada kita pada akhirnya demikian lagi barangsiapa membelanjakan wang atau harta sebelum diperoleh akan dia, maka tidaklah boleh terselamat daripada hutang dan kefakiran; kerana apa-apa barang yang dibeli dahulu dengan tiada membayarnya itu tentulah terpaksa diambil dengan berhutang dahulu. Maka barang siapa berhutang tiadalah merdeka!

(4) Kaedah yang keempat : Tuliskan tiap-tiap satu pendapatan wang masuk dan tiap-tiap satu butiran wang keluarmu. Yakni tiap-tiap wang yang dapat dan wang yang dibelanjakan buat kira-kiranya : Tuliskan dengan terang dan cermat dan tiada tercicir dalam sebuah buku yang disimpan khas kerana itu, dan periksa akan dia selalu. Apabila diperbuat demikian dapatlah berjimat dan berkira akan perbelanjaan. Adapun orang yang tiada menuliskan kira-kira

pendapatannya dan perbelanjaannya ialah orang yang berbelanja dengan “tiada berkira” maka apabila tiada berkira tiadalah dapat ditentukan perbelanjaan itu adakah dalam sempadan pendapatan atau tidak – tiba-tiba dilihat wang sudah habis sahaja!

(5) Kaedah yang kelima : Buatlah timbangan “*istimiyyat*” yang halus dan cermat bagi segala pendapatan dan perbelanjaan tiap-tiap bulan sebelum masuk kepada bulan itu. Tentukan berapa wang yang tetap dan tentu akan diterima bagi bulan hadapan itu, dan apa-apa perkaranya yang sebenar-benar wajib mesti dibelanjakan atau wajib mesti dibeli atau dibayar dalam bulan itu kelak.

Jalan demikian ini ialah yang biasa dibuat oleh syarikat perniagaan besar-besar dan oleh pejabat-pejabat kerajaan; tetapi mereka berbuat demikian itu bagi setahun. Kerana wangnya banyak hingga beratus ribu atau berjuta. Kita sungguhpun tidak banyak wang dan belanja sebagaimana gudang-gudang perniagaan dan kerajaan itu, tetapi dengan cara sedikit dan kecil kita tentulah elok juga ditauladani peraturan demikian itu, tiada apa ruginya; bahkan berfaedah dan besar pertolongannya bagi mengawal perbelanjaan kita. Kerana dengan diperbuat demikian dapatlah kita mencermatkan dengan sempurna daripada wang yang ada ditangan pada hari ini sebanyak mana yang oleh dibelanjakan bagi kehendak-kehendak kita pada hari esok, dan berapa lebihnya yang akan tinggal.

(6) Kaedah yang keenam : Jagalah sangat-sangat jangan sekali-kali kita merosak binaskan sebarang apa harta benda oleh sebab marah atau berkelahi suami isteri atau lainnya; kerana barang apa jua yang dirosak binasakan itu semata-matalah kerugian jua kepada kita sendiri, dan tiada siapapun yang mendapat faedah atau keuntungan daripada perbuatan itu.

(7) Kaedah yang ketujuh : Jagalah segala kerja kita sendiri, jangan diharapkan orang lain menjaganya.

Jikalau kita orang yang memerintah, lihatlah tauladan raja Freadrick Besar, iaitu raja negeri Prussia (1712 – 1786) dan George Washington (1732 – 1799), pemerdeka Amerika daripada Inggeris dan ialah orang yang mula-mula sekali jadi presiden Amerika Syarikat. Sungguhpun mereka ini bukan orang Islam tetapi contoh tauladan yang ditunjukkan layak bagi pembesar-pembesar Islam kedua-dua mereka ini sentiasa tahu dan mengambil tahu akan segala perkara yang ada dalam rumahnya dan sekalian perbelanjaan yang dibelanjakan oleh ahli-ahli rumahnya itu. Maka kebanyakan kita tentulah tidakkan lebih besar pangkat daripada kedua mereka itu.

Adapun jikalau kita jadi ketua pekerja-pekerja dalam kilang-kilang pertukangan, dalam perusahaan, dalam perusahaan lombong atau kebun getah, atau dalam gudang-gudang perniagaan, atau dalam pejabat-pejabat dan sebagainya, maka ingatlah bahawa tidak ada seorang pun daripada pekerja-pekerja itu akan membuatkan kerja-kerja itu cukup sempurna dengan tiada berjaga, sama seperti yang ia bekerja jika kita jaga akan dia. Tersebut dalam bidalan orang tua-tua Arab:

(La yahtimu fī al-‘amal al-aṣāhibihī, wala yurāqibu as-syai‘u al-a‘yuni ṣāhibihī).

Ertinya: “Tiada yang akan memberati sesuatu pekerjaan itu dengan sebenar-benarnya lain daripada orang yang punya kerja itu sendiri, dan tidak ada mata yang mengawal sesuatu barang lain daripada mata tuan punya barang itu sendiri.”

(8) Kaedah yang kelapan : Jangan beli apa-apa barang pun yang kita tidak ada keperluan berkehendak kepadanya, hanya kerana dilihat barang itu cantik atau murah sahaja, tiada sampai bagaimana harga yang sepatutnya, lalu dibelilah! Perbuatan membeli yang demikian hanya silap jua; yang sebenarnya barang itu ialah mahal juga walau berapa murah pun pada zahirnya, kerana kita tidak ada kewajipan berkehendak kepadanya: jadi membeli itu seolah-olah mencampakkan wang dengan percuma oleh sebab “murahnya” yang dikatakan itu! Demikian lagi

jangan kita beli apa-apa barang yang terkeluar daripada had sempadan pendapatan kita kerana maksud hendak menunjuk-nunjuk kepada orang, atau kerana hendak berlawan-lawan dan bermegah-megah yang palsu. Perbuatan demikian adalah satu daripada perkara yang akan merobohkan kekayaan orang yang membuatnya, dan akan jadi sebab membawa dia rugi dan ketinggalan.

(9) Kaedah yang kesembilan : Tiliklah sentiasa kepada masa yang akan datang, dan buatlah perkiraan akan apa-apa kesusahan yang barangkali akan terjadi dengan tidak disangka-sangka. Dengan demikian dapatlah kita mengambil perjagaan dan persediaan yang terwajib bagi menemui kesusahan itu dan mengalahkannya jika ia terjadi. Jika tidak terjadi, maka sebaik-baiknyalah tiap-tiap orang yang melihat kepada kesudahan dan bersiap bagi menemui hal ehwal yang harus akan terjadi demikian itu, adalah kedudukannya dalam aman dan senang hati.

Segala syarikat perniagaan dan sebagainya sentiasalah berbuat persediaan yang demikian, iaitu diasingkan sekumpulan wang yang disebut “rizab fund” ertinya wang cagar untuk menghadap apa-apa kerugian atau kemalangan yang tak disangka-sangka. Dalam pengajian hukum muamalat Islam ada juga peraturan itu, dibahasakan dia “*ihṭiyad*”. Maka kita pun dalam hal ehwal mentadbirkan iktisad diri dan rumahtangga, sungguhpun hal kita itu jauh terkecilnya daripada perniagaan dan syarikat besar-besar yang tersebut itu, patutlah juga kita meniru akan tauladan yang baik ini: ialah yang dikata “menyediakan payung sebelum hujan” dalam perbidalan Melayu. Bahkan, bagi maksud itulah dikehendaki kita menyimpan sedikit-sedikit dengan tetap seperti yang dinyatakan dalam kaedah yang pertama tadi.

(10) Kaedah yang kesepuluh : Bagi orang yang miskin dan kecil pendapatan, gunakanlah tempat menyimpan yang dinamakan “*Savings Bank*” itu lebih-lebih lagi daripada yang sudah-sudah. Apabila dapat gaji atau apa-apa wang yang tetap tiap-tiap bulan, maka ketepikanlah dahulu siang-siang sebahagian kecil daripadanya walau berapa kecil pun; pergi simpankan dia segera

ke dalam *savings bank* itu; dan yang selebihnya itu baharulah dibuat belanja seperti yang telah sedia dalam estimatunya. Kemudian apabila ada lebih sedikit-sedikit daripada belanja hari-hari, misalnya sepuluh sen atau dua puluh sen, ketepikanlah pula itu, jangan dipakai lagi jika tiada wajibnya yang berat. Setelah terlonggok hingga seringgit dua maka segeralah pergi simpankan ke dalam *savings bank* itu pula. Apabila telah banyak simpanan itu bolehlah dikeluarkan dan diletakkan kepada apa-apa barang yang kekal; kemudian simpan pula lagi.

Menyimpan dalam *savings bank* itu lebih selamat daripada menyimpan di rumah sahaja – kiranya terjadi kebakaran atau datang pencuri dan penyamun, maka di dalam *savings bank* itu tiada akan hilang; jika hilang pun dengan sesuatu sebab, tentu akan diganti oleh pihak yang berkuasa, kerana tiap-tiap bank simpanan memang ada jamin kerajaan. Tetapi jika hilang dalam simpanan rumah, hilanglah sahaja tiada siapa yang akan menggantinya. Dan lagi jika menyimpan di rumah itu, dengan mudah sahaja kita sendiri boleh mengambil dan makainya bila-bila suka, dengan demikian tiadalah dapat terlonggok simpanan itu, selalu terpakai sahaja bila sesak sedikit!

Demikian lagi petua-petua yang dirasa boleh berguna jadi panduan kepada siapa-siapa yang merasa perlu diberi panduan. Maka istimewa dalam tingkat kemajuan iktisad orang-orang kita yang masih rendah sekarang ini, amatlah wajib rasanya tiap-tiap seorang mengamalkan seperti jalan-jalan yang telah dilorongkan ini. Barang kali ada lagi beberapa kaedah lain yang ketinggalan tiada tersebut di sini. Tetapi kadar sepuluh yang telah diterangkan ini memadialah untuk permulaan.

Maka bukanlah segala perbuatan jimat cermat yang telah dinyatakan ini tujuannya “kerana hendak kaya” seperti yang dikata oleh setengah orang yang singkat pemandangan; tetapi ialah kerana hendak merdeka atau hendak “terkaya” daripada minta tolong kepada orang atau daripada berhutang; supaya

jangan sentiasa dalam kesempitan, dan jangan terpaksa dipandang rendah oleh orang lain yang ada wang. Jika kaya pun tetapi tak merdeka, sentiasa terhutang kepada orang berpuluh-puluh ribu. Sentiasa ditunggu oleh saudagar-saudagar yang meminjamkan wang dan oleh penguasa-penguasa bank, sentiasa dicemik-cemik orang dari belakang, apalah eloknya kaya demikian itu! Demikian pula tidaklah dimaksud daripada berjimat demikian ini mesti disekat makan minum dan ditahan diri daripada menyuka-nyukakan hati seperti melihat permainan, melihat wayang, berjalan-jalan makan angin ke tempat lain, dan sebagainya. Sekalian itu memang harus disempurnakan pada masa-masanya, tetapi biarlah dalam sempadan yang patut serta telah ada diuntukkan belanjanya yang tetap dalam “*estimate*” tiap-tiap bulan.

Akhirnya kembali kita ke pangkal yang mula-mula tadi, iaitu mana yang patut dan mana yang tidak patut dalam soal jimat cermat ini, sendirilah menimbang asalkan tidak membelakangkan sama sekali petua-petua yang telah diberi ini. Inshā Allāh jika diperbuat demikian selamat dan nikmatlah jua kiranya. Amin!

Sekianlah di sini ditamatkan bacaan kita dalam bab jimat cermat menurut asasnya yang didapati dalam ajaran agama Islam.

GELIGA HIKMAT

Jimat cermat itu membanyakkan yang sedikit; dan boros itu menghabiskan yang banyak.

*

Tiap-tiap pekerjaan ada buahnya, tiap-tiap hidup ada ajalnya, tiap-tiap yang maju ada mundurnya.

- ‘Alī bin Abī Ṭalīb.